

PROMOSI KAD UOBM AGODA
“Worldwide up to 7% 2021”
TERMA DAN SYARAT
KAD KREDIT DAN DEBIT UOBM (“KAD”)

KELAYAKAN PROMOSI

1. Promosi Kad UOBM AGODA “Worldwide up to 7% 2021” (“Promosi”) United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit dan/atau Debit UOBM utama dan tambahan (“Ahli Kad”) yang akaun(-akaun)nya adalah dalam keadaan semasa, sah dan wujud dalam keadaan kredit yang baik yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara mutlakny.
2. Promosi ini hanya dibuka kepada Kad Kredit dan/atau Debit UOBM (“Kad-kad”) yang dikeluarkan di Malaysia.
3. Berikut adalah mereka yang tidak layak untuk Promosi ini :-
 - a. Semua Ahli Kad Pembelian dan Kad Label Peribadi UOBM;
 - b. Ahli Kad yang mempunyai akaun(-akaun) yang telah dihentikan, digantung atau ditamatkan dalam Tempoh Promosi ini;
 - c. Segala akaun yang dipegang dengan UOBM yang didapati delinkuen atau tidak dikendalikan dengan baik sepertimana yang ditentukan oleh UOBM dengan budi bicara mutlakny;
 - d. Mereka yang tidak siaman atau menjadi tidak siaman, telah meninggal dunia, bankrap atau mereka yang mempunyai sebarang kes guaman yang dikenakan terhadap mereka.

TEMPOH PROMOSI

4. Tempoh Promosi bermula dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021 (termasuk kedua-dua tarikh) (“Tempoh Promosi”) kecuali dimaklumkan sebaliknya.

MEKANISMA PROMOSI

5. Semasa tempoh promosi ini, Ahli Kad layak untuk menikmati diskaun yang berikutnya (“Diskaun”) di semua destinasi seperti yang dinyatakan di www.agoda.com/uobmy:-
 - (a) Visa Infinite, Lady’s Solitaire, Lady’s Platinum, PRVI Miles, Preferred Platinum, ONE Platinum, YOLO - diskaun 7%; dan
 - (b) ONE Classic, Lady’s Classic, VOX, MasterCard Debit – diskaun 5%
6. Diskaun ini adalah untuk tempahan yang dibuat antara 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021, dan untuk penginapan antara 1 Januari 2021 sehingga 31 Mac 2022.
7. Tempahan perlu dibuat melalui www.agoda.com/uobmy untuk mendapatkan Diskaun.
8. Promosi ini hanya sah untuk tempahan hotel yang disenaraikan dengan banner "Layak Promosi" di laman hasil carian.
9. Tarikh yang tidak dibenarkan dan sekatan lain akan dikenakan.
10. Tiada perubahan atau pembatalan boleh dibuat selepas tempahan disahkan. Transaksi tempahan akan dicaj ke atas akaun Ahli Kad Kredit dan/atau Debit UOBM selepas pengesahan tempahan. Polisi pembatalan dan perubahan kepada tarikh penginapan tertakluk pada Agoda Company Pte. Ltd.
11. Diskaun adalah tidak sah untuk tempahan secara berkumpulan.
12. Diskaun tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau produk atau perkhidmatan lain.

13. Diskaun adalah sah untuk bilik hotel sahaja (tidak termasuk cukai tempatan, bayaran perkhidmatan dan caj tambahan).
14. Diskaun ini tidak boleh dipindah milik, tidak terkumpul dan tidak boleh digunakan bersama-sama dengan promosi lain, diskaun, baucar, kupon, kad keistimewaan, program kesetiaan atau untuk pembelian sijil hadiah.
15. Promosi ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Agoda Company Pte. Kes Ltd Jika terdapat sebarang pertikaian, keputusan Agoda Company Pte. Ltd adalah muktamad

TERMA DAN SYARAT AM

16. Dengan menyertai Promosi ini, Ahli Kad bersetuju dan terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat UOBM Visa / Perjanjian Ahli Kad MasterCard.
17. Keputusan Agoda Company Pte. Ltd dan/atau UOBM berkaitan dengan segala aspek promosi ini adalah dianggap muktamad, tidak dapat dipertikaikan dan terikat. Sebarang aduan, rayuan, pertanyaan dan/atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli Kad tidak akan dilayan.
18. UOBM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang salah nyataan atau salah nyataan fakta dengan mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran berhubung dengan Promosi dan disiarkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
19. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam sebarang bentuk dan walau bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi melainkan jika timbul daripada kecuaiian UOBM atau salah laku yang sengaja berkaitan dengan Promosi ini.
20. UOBM tidak bergabung dengan Agoda Company Pte. Ltd dan tidak membuat sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti barangan dan produk yang dibekalkan oleh Agoda Company Pte. Ltd.
21. UOBM tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa rasa tidak puas hati dengan mutu perkhidmatan yang dibekalkan oleh Agoda Company Pte. Ltd.
22. Jika terdapat sebarang ketidaksejajaran antara terma dan syarat ini dan sebarang bentuk pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkaitan dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
23. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tetapi tidak terhad kepada mereka yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Promosi ini.
24. UOBM mempunyai hak untuk menambah, memadam , menggantung atau mengubah terma dan syarat Promosi sepenuhnya atau sebahagian daripadanya berdasarkan budi bicara mutlaknyanya dengan menerbitkan dua puluh satu (21) hari notis terdahulu melalui laman web UOBM, memaparkan notis di cawangan UOBM dan/atau melalui Penyataan Akaun.
25. Terma dan syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selari dengan undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk berserah kepada bidang kuasa yang tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

TAMAT